



Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan

Suhana Saad¹, Marsitah Mohd Radzi¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Suhana Saad (email: suhana@ukm.my)

Abstrak

Konsep urustadbir di Malaysia adalah agak unik kerana berasaskan kepada sistem sosio-politik negara dan negeri. Berdasarkan amalan ini Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Aziz Nik Mat telah mencadangkan agar Kota Bharu menjadi sebuah Bandaraya Islam dengan slogan “membangun bersama Islam” yang bermaksud Islam hendaklah dijadikan cara hidup dalam segala urusan. Kertas ini meneliti konsep perbandaran Islam dan aplikasinya dalam konteks urus tadbir bandar oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI). Falsafah pembangunan MPKB-BRI adalah berasaskan prinsip 5K iaitu keilmuan, kepatuhan, kebijakan, kebersihan dan kesejahteraan. Falsafah ini diterapkan dalam perancangan pembangunan yang meliputi pembangunan pengurusan, pembangunan insan, pembangunan ekonomi dan pembangunan fizikal yang memenuhi konsep asas sebuah bandar Islam. Rancangan pembangunan dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama (2006-2010) menekankan program kesedaran tentang falsafah 5K manakala fasa kedua (2011-2015) menekankan kepada penghayatan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam falsafah 5K. Kertas ini merumuskan bahawa cabaran penting dalam menjayakan misi Bandaraya Islam ialah memastikan warga kota benar-benar memahami falsafah pembangunan yang ingin dilaksanakan oleh MPKB-BRI.

Katakunci: falsafah bandaraya Islam, governans bandaraya, nilai-nilai Islam, pembangunan bandaraya, perancangan bandaraya, program kesedaran awam

The governance of a Malaysian Islamic city: A case study of Kota Bharu, Kelantan

Abstract

Governance in Malaysia is rather unique in that it is based on the socio-political system of the country and of the states within the country. It is thus within this praxis that the current Chief Minister of the opposition state of Kelantan forwarded a proposal of transforming the state's city capital of Kota Bharu into an Islamic city with the slogan “developing with Islam”. The tagline, in a nutshell, means that Islamic values should define and shape the city way of life. This paper takes a closer look at the making of Kota Bharu into an Islamic city and assesses, in particular, its implications on the governance of the city by the Kota Bharu-Islamic City Council (MPKB-BRI). The MPKB-BRI governance philosophy has a fivefold principles, namely, knowledge, compliance, welfare, hygiene, and wellbeing. These should infuse the city's development planning processes (development management, human development, economic development, and physical development) with desirable, relevant and applicable Islamic precepts. The city's development plan is divided into two phases, the first (2006-2010) which emphasises on a public awareness raising programme about the Islamic city's fivefold philosophy, and the second (2011-2015) which emphasises on

the actual living up to the Islamic values the city embodies. The paper sums up that the greatest challenge in accomplishing the Islamic city mission of Kota Bharu is to ensure that the city's populace properly understand the philosophy underlining an Islamic city which the MPKB-BRI is assigned to realise.

Keywords: city development, city governance, city planning, Islamic city philosophy, Islamic values, public awareness programme

Pengenalan

Konsep urus tadbir kerajaan tempatan di Malaysia adalah sangat unik kerana berasaskan kepada sistem sosio-politik. Malaysia adalah sebuah negara pelbagai etnik, budaya dan agama dan ciri-ciri ini merupakan kombinasi yang perlu ada dalam sebuah kegiatan urustabir. Misalnya ahli-ahli majlis adalah dipilih di kalangan parti-parti pemerintah yang memegang kuasa di peringkat lokal atau kerajaan negeri. Pemilihan ahli majlis juga terdiri daripada mereka yang pakar dan berpengalaman dalam bidang-bidang seperti persekitaran, kepenggunaan dan juga kumpulan berkepentingan bagi menduduki kerusi majlis (Ong Ka Ting, 2002). Justeru sebarang perancangan dan urus tadbir bandar mestilah selari dengan kerajaan di peringkat lokal.

Kelantan dengan gelaran “Serambi Mekah” memiliki latar belakang perkembangan Islam yang telah mencorakkan kehidupan sosial dan politik negeri ini (Muhammad Na’im Daud, 2002). Justeru tidak hairanlah, dalam konteks pentadbiran kerajaan tempatan di negeri ini aspek pentadbiran Islam cuba diselaraskan dengan ideologi politik parti yang diterajui kerajaan negeri iaitu PAS (Parti Islam Se-Malaysia). Pada tahun 1990, Kelantan telah menerima pakai konsep pentadbiran Islam selepas PAS memenangi pilihanraya pada tahun berkenaan. Menteri Besar Kelantan, Dato’ Hj Nik Aziz Nik Mat mencadangkan Kota Bharu sebagai sebuah bandaraya Islam dan melancarkan slogan “Membangun Bersama Islam” yang bermaksud Islam hendaklah dijadikan sebagai satu cara hidup dalam urusan politik, pentadbiran ekonomi dan juga sosial di Kelantan. Pada 23 Ogos 2004, kertas Rancangan Pembentukan Kota Bharu Bandaraya Islam 2005 telah diluluskan dan majlis pelancaran Kota Bharu Bandaraya Islam telah berlangsung pada 20 Februari 2005.

Slogan “Membangun Bersama Islam” ini diterapkan dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang dipelopori oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI). Oleh yang demikian, slogan ini perlu dihayati dan dilaksanakan dalam setiap aspek pentadbiran dan pengurusan MPKB-BRI. Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam hal urus tadbir bandar, MPKB-BRI juga beriltizam untuk memajukan Kota Bharu dengan matlamat menjadikan bandar ini sebagai bandaraya sepenuhnya menjelang tahun 2015. Berdasarkan senario tersebut, usaha pembangunan yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan negeri merupakan satu langkah yang baik. Justeru, kertas ini meneliti sama ada strategi pembangunan yang disusun itu dapat memenuhi konsep sebuah perbandaran Islam ataupun tidak.

Sejarah ringkas perkembangan Islam di Kelantan

Penyebaran Islam merupakan titik tolak yang utama dalam pembentukan sesebuah bandar Islam (Roslan Mohd. Nor, 2009:1). Bukti Sejarah menyebut bahawa kedatangan Islam di Tanah Melayu telah mula bertapak di bahagian Pantai Timur terlebih dahulu sebelum Melaka (Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, 1985: 95). Penemuan batu bersurat di Kuala Berang Terengganu, bertarikh 788H/1386M yang dijumpai pada 1922M seolah-olah melengkapkan suatu rantaian peristiwa sejarah kedatangan Islam ke bahagian Pantai Timur Tanah Melayu. Melalui penyusunan tarikh-tarikh yang terdapat pada artifak-artifak tersebut menunjukkan kedatangan Islam telah bermula di Champa (1025M dan 1039M), kemudian berkembang ke Kelantan (1181M) dan akhirnya ke

Terengganu (1386M). Bukti-bukti persejarahan ini jelas menunjukkan Islam telah terlebih dahulu bertapak di Kelantan sebelum Melaka.

Berbanding negeri-negeri lain di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19, Kelantan telah berperanan sebagai pusat pendidikan dan pengajian Islam sehingga membawa kepada gelaran negeri serambi Mekah. Fungsi Kelantan sebagai pusat pendidikan dan pengajian Islam membuktikan bahawa agama Islam telah diterima oleh semua lapisan masyarakat. Kelas-kelas pengajian bukan lagi khusus diadakan untuk golongan tertentu seperti anak-anak raja dan dibuat di istana tetapi telah disebarluaskan dan dibuka kepada umum melalui masjid, surau dan balaisah (Nik Muhammad Nik Mohd. Salleh, 1985: 98). Keadaan ini telah memberi manfaat kepada penduduk tempatan melalui kedatangan alim ulama yang datang mengajar di Kelantan. Malahan peluang ini telah menarik kedatangan pelajar-pelajar dari rantau Asia Tenggara untuk mempelajari ilmu agama.

Perkembangan Islam di Kelantan diperkuuhkan lagi melalui peranan ulama. Antara tokoh yang telah memberikan sumbangan yang besar ialah Haji Wan Abdul Samad bin Muhammad Salleh atau lebih dikenali sebagai Tuan Tabal. Antara sumbangan utama beliau ialah memulakan pengajian pondok pertama di Kota Bharu. Jasa beliau juga amat besar kerana berjaya melahirkan ramai murid yang hebat dan mereka ini telah meneruskan usaha beliau dalam bidang pendidikan seperti Tok Kenali. Anak-anak beliau sendiri telah terlibat dalam pentadbiran negeri Kelantan seperti Wan Musa dan Wan Muhammad (Muhammad Na'im Daud, 2002: 17).

Perkembangan Islam juga berkembang melalui pengajian pondok. Sistem pendidikan pondok telah muncul di Kelantan pada awal abad ke-19 Masihi. Sistem ini merupakan pendekatan pengajian yang khusus berbanding pengajian yang dilaksanakan di masjid-masjid dan surau-surau. Pengajian pondok yang pertama telah dibina di selatan Kota Bharu iaitu di Pulau Chondong yang terletak di Kuala Krai oleh Haji Abdul Samad bin Abdullah (Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh 1985: 100). Sistem pengajian ini telah mencapai kegemilangannya pada 1910-1945 Masihi dengan jumlah pondok yang banyak iaitu mencecah 100 buah pondok dan ada sesetengah pondok yang mempunyai lebih daripada 1000 orang penuntut (Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, 1985: 104).

Selain itu, para umara (Sultan) juga telah menjalinkan hubungan yang baik dengan golongan ulama. Hal ini boleh dilihat terutamanya ketika keturunan Long Yunus memerintah Kelantan bermula daripada Sultan Muhammad I-IV (Muhammad Na'im Daud, 2002: 33). Pandangan ulama diambilkira dalam mentadbir Kelantan sehingga mereka ini dijadikan penasihat sultan dan pelantikan mufti adalah berdasarkan ilmu dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang ulama. Para pemimpin juga memainkan peranan aktif dalam perkembangan ilmu agama di Kelantan melalui kemudahan-kemudahan yang diberikan terutamanya penubuhan-penubuhan institusi-institusi pendidikan.

Islam sebagai al-Din menjadi elemen yang paling utama dalam pentadbiran negeri Kelantan. Perkembangan Islam di negeri ini telah maju setapak lagi melalui penubuhan sebuah majlis agama yang pertama di Tanah Melayu (Muhammad Na'im Daud, 2002: 53). Majlis ini ditubuhkan pada 1915M atas beberapa faktor antaranya ialah untuk menyekat pengaruh Inggeris dalam pentadbiran negeri Kelantan. Masalah kewangan yang berpunca daripada keengganan penasihat Inggeris untuk mengeluarkan peruntukan bagi pentadbiran agama juga mendesak kepada penubuhan sebuah majlis agama. Penubuhan majlis agama ini memberi impak positif terhadap perkembangan Islam di Kelantan. Pihak majlis agama juga telah menyusun sistem pendidikan yang khusus bermula dengan penubuhan *Madrasah Muhammadiyah* dan memastikan kedaulatan agama Islam terpelihara melalui fungsinya sebagai Mahkamah Rayuan setelah Kelantan menerima penasihat Inggeris (Muhammad Na'im Daud, 2002).

Konsep perbandaran Islam

Sebelum meneliti peranan pihak berkuasa tempatan dalam merealisasikan pembangunan Bandaraya Islam, maka konsep perbandaran Islam akan dibincangkan terlebih dahulu. Melalui konsep tersebut, kita akan dapat memahami apakah sebenarnya tuntutan dalam perancangan sebuah bandar Islam. Kewujudan sesebuah tamadun sering dikaitkan dengan kelahiran sebuah bandar bahkan ada yang menyebutnya sebagai satu ramuan atas kelahiran sebuah tamadun (Ahmad Zaki Abdul Latiff, 1997). Ini kerana ketamadunan merupakan tahap kehidupan tertinggi yang dicapai oleh manusia iaitu perubahan kepada suatu sistem kehidupan yang lebih kompleks, dikenali sebagai perubahan sosial (Ting Chew Peh, 1993). Fungsi sesebuah bandar yang semakin kompleks dan dinamik manakala model perbandaran kini banyak dirujuk kepada konsep perbandaran yang terdapat di barat sedangkan perbandaran di sebelah Timur (Timur Tengah) iaitu perbandaran Islam telah terlebih dahulu wujud. Hal ini perlu diperhalusi kerana tujuan perbandaran Islam ialah untuk *kemaslahatan* (kepentingan) umum dan bukan untuk kepentingan individu dan kebanggaan semata-mata. Agama menjadi faktor dinamik yang membentuk masyarakat kota yang bertamadun (Ahmad Zaki Abdul Latiff, 1997).

Masyarakat Arab merujuk perbandaran sebagai ketamadunan (*umran, hadarah, madaniyah, tamaddun*) yang menekankan kemajuan masyarakat dan pembangunan keinsanannya (Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001). Perbezaan konsep perbandaran dalam dua lingkungan ini memberi gambaran struktur sosial sesebuah masyarakat sama ada telah mencapai sistem kehidupan yang lebih kompleks seperti yang disebut oleh Durkheim sebagai kesepadan organik (dlm. Ting Chew Peh 1993). Oleh yang demikian, konsep perbandaran seharusnya dilihat dalam konteks yang lebih kompleks iaitu seluruh struktur pembentukan ketamadunan sebagaimana yang digambarkan dalam kajian-kajian mengenai perbandaran Islam yang boleh dilihat dalam tulisan-tulisan arab klasik sehinggalah kepada penulis-penulis Islam moden (Ahmad Zaki Abdul Latiff 1997; Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan 2001).

Beberapa konsep perbandaran Islam yang umum menyentuh aspek fizikal dapat dikenal pasti terutamanya selepas era Khulafa' al-Rasyidin. Hal ini kurang dilihat pada zaman Rasulullah dan zaman Khulafa' al-Rasyidin. Perubahan ini berlaku disebabkan pertembungan budaya (Rom dan Parsi) pada zaman Umayyah dan Abasiyyah. Melalui penelitian yang dibuat terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan, perubahan ini boleh dikatakan sebagai persamaan dan perbezaan yang timbul antara zaman-zaman tersebut dalam menubuhkan sebuah perbandaran Islam yang dicita-citakan mengikut tuntutan zaman. Persamaan yang didapati daripada contoh-contoh perbandaran Islam mengikut zaman boleh dikatakan sebagai suatu aras kepada suatu model perbandaran Islam. Manakala perbezaan yang wujud pula dianggap sebagai suatu usaha mengharmonikan perbandaran Islam dengan tuntutan zaman.

Berikut merupakan beberapa konsep umum sebuah perbandaran Islam yang menekankan penggabungan tiga elemen utama iaitu perbandaran yang berfungsi membawa mesej peringatan, pembangunan perbandaran yang lestari dan pembinaan ukhuwwah dan integrasi sosial (Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001).

Pembangunan institusi masjid

Pembangunan bandar melalui model Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w telah menunjukkan bahawa fungsi masjid amat penting dalam pembangunan sebuah perbandaran Islam. Ini jelas kerana masjid merupakan pusat kepada pembangunan masyarakat. Islam sebagai '*the way of life*' bukan sekadar ibadah ritual semata-mata jelas menjadikan institusi masjid sebagai pemangkin pembinaan sesebuah masyarakat. Kedudukan masjid diletakkan di tengah-tengah bandar untuk menunjukkan fungsinya yang utama dalam pembangunan perbandaran Islam.

Penekanan kepada konsep pertama ini disebabkan fungsi yang dimainkan oleh institusi masjid sebagai pusat keagamaan, pusat keintelektualan, pusat politik, dan pada zaman Rasulullah

s.a.w dan Khulafa' al-Rasyidin, institusi ini menjadi pusat kekuasaan (Ahmad Zaki Abdul Latiff, 1997). Melalui institusi masjid lahir generasi sahabat yang berkualiti yang didik oleh Rasulullah s.a.w iaitu sebagai aset paling penting dalam perkembangan Islam. Malahan masjid juga terus kekal menjadi institusi sosial yang utama pada zaman Umayyah dan Abasiyyah. Cuma terdapat perbezaan kedua-dua zaman ini berbanding zaman sebelumnya iaitu penekanan pada aspek keindahan seni bina dan perbelanjaan yang besar dalam pembinaan masjid. Contohnya kewujudan masjid Kufah yang banyak melibatkan para arkitek dari Parsi. Perkembangan sejarah di Kelantan juga memperlihatkan keutamaan diberikan dalam pembangunan institusi masjid seperti masjid Muhammadi yang dibina di tengah-tengah Kota Bharu dan masjid ini memainkan peranan yang penting dalam kewujudan sebuah perbandaran Islam sehingga ke hari ini.

Pembangunan institusi perekonomian

Pembangunan institusi perekonomian juga merupakan suatu konsep yang digagaskan pada zaman Rasulullah s.a.w. Penubuhan sebuah pasar (*sug*) Islam yang dilakukan oleh baginda di Madinah menunjukkan perbandaran Islam juga mementingkan perekonomian. Pasar tersebut telah dibina berdekatan dengan Masjid Nabi. Maka tidak hairan apabila diperkatakan bahawa aktiviti perdagangan ini muncul berikutan daripada pembangunan institusi masjid. Apabila berlaku pemasatan aktiviti di masjid ia turut membawa kepada pemasatan pasar-pasar di sekitarnya. Perkembangan ini membawa kepada pemasatan aktiviti lain seperti pusat kegiatan sosial dan kegiatan sastera (Ahmad Zaki Abdul Latiff, 1997).

Kedudukan pasar-pasar ini ialah terletak secara berjajaran sepanjang jalan-jalan utama dan dipisahkan antara satu sama lain menurut barang jualan mereka. Kedudukan ini akan memudahkan orang ramai untuk berurus dan membantu para peniaga menjual barang mereka. Selain itu juga aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan sering dilaksanakan untuk mengelakkan sebarang penipuan dalam urusan jual beli (Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001).

Pembangunan institusi pendidikan

Sorotan sejarah memperlihatkan bahawa aspek keilmuan tidak boleh dikesampingkan dalam memastikan kesinambungan sesebuah perbandaran Islam. Justeru pembangunan institusi pendidikan juga merupakan suatu elemen penting dalam pembangunan perbandaran Islam. *Madrasah Madinah* merupakan institusi pengajian yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w dan berjaya melahirkan modal insan kelas pertama sebagai aset negara yang utama.

Kegemilangan ketamadunan yang telah dicapai pada zaman Umayyah dan Abasiyyah dijana oleh aktiviti keilmuan yang meluas. Kewujudan universiti dan perpustakaan di era Umayyah dan Abasiyyah telah mempercepatkan proses pembangunan perbandaran Islam pada kedua-dua zaman tersebut. Cordova dan Baghdad antara bandar yang terulung dalam melahirkan para ilmuan melalui fungsinya sebagai pusat kegiatan ilmu sehingga berjaya mencipta dan menerokai pelbagai bidang ilmu. Pada zaman Umayyah sendiri disebut bermulanya pengkajian terhadap ilmu sejarah, geografi dan astronomi di samping ilmu-ilmu agama. Contohnya Khalifah Abdul Aziz telah memindahkan sekolah-sekolah perubatan dari Alexandria ke Antioch (Ahmad Zaki Abdul Latiff, 1997). Pembangunan institusi pendidikan menjadi agenda utama dalam pembentukan sebuah perbandaran Islam kerana institusi pendidikan merupakan agen sosialisasi yang paling efektif.

Pengezonan kawasan-kawasan

Penelitian terhadap perbandaran Islam zaman terdahulu menunjukkan bahawa telah ada pembangunan kawasan mengikut zon-zon tertentu. Pengezonan ini diwujudkan untuk memudahkan urusan pentadbiran dan dilihat mempunyai pertimbangan terhadap aspek alam sekitar. Zon pusat bandar menempatkan masjid-masjid jamik, sekolah-sekolah agama, pasar-pasar, pusat dan tempat khusus untuk para pedagang dan para tukang seolah-olah sebuah

kompleks perkhidmatan (Ahmad Zaki Abdul Latiff, 1997). Terdapat juga pembinaan kawasan pentadbiran seperti pejabat, mahkamah, istana di tengah-tengah kota berhampiran dengan kompleks perkhidmatan ini kerana ia menjadi pusat kepada seluruh kota dan perbandaran (Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001).

Kawasan pinggiran kota (*suburbs*) menempatkan perumahan pendatang baru seperti setinggan yang akan melaksanakan kerja-kerja tertentu di kawasan tempat tinggal mereka (Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001). Manakala zon luar kota pula merupakan kawasan perkuburan, kawasan perindustrian berat dan berbahaya kepada awam. Begitu juga aktiviti-aktiviti yang memerlukan ruang yang luas diletakkan di luar kota seperti rumah-rumah kafilah.

Terdapat pemisahan yang jelas antara kawasan-kawasan awam dan kawasan persendirian. Contohnya kawasan penempatan atau perumahan diletakkan jauh daripada kawasan perindustrian seperti pertukangan dan perdagangan. Berlaku pemisahan kawasan perumahan mengikut kumpulan masing-masing.

Sistem pertahanan

Pembinaan pintu gerbang bertujuan untuk memenuhi keperluan pertahanan bagi sesebuah bandar. Pendekatan pembentukan secara berpusat memudahkan pembinaan pintu gerbang dan tembok-tembok pertahanan. Jalan raya dibina daripada pintu-pintu masuk tersebut menghala ke pusat bandar yang menempatkan institusi agama, institusi pentadbiran dan masjid jamik. Konsep ini perlu dilakukan oleh pemerintah kerana keseluruhan kawasan dianggap satu bandar yang perlu dilindungi (Ahmad Zaki Abdul Latiff (1997).

Perbandaran Islam secara keseluruhannya menekankan tiga elemen utama iaitu perbandaran yang berfungsi membawa mesej peringatan, pembangunan perbandaran yang lestari dan pembinaan ukhuwah dan integrasi sosial. Justeru semua pembangunan dalam perbandaran Islam perlu menggabungkan ketiga-tiga elemen ini. Hal ini boleh dilihat melalui konsep umum sebuah perbandaran Islam yang mempunyai ketiga-tiga unsur di atas. Sebagaimana di awal penulisan, perbandaran Islam ialah sebuah perbandaran yang mempunyai roh. Maka melalui penerapan ketiga-tiga elemen ini akan mewujudkan sebuah perbandaran Islam yang efisien.

Peranan pihak berkuasa tempatan (MPKB-BRI) dalam mencorakkan pembangunan Bandaraya Islam

Pembangunan kota Bharu sebagai Bandaraya Islam berteraskan kepada falsafah 5K yang meliputi keilmuan, kepatuhan, kebaikan, kebersihan dan kesejahteraan. Dari segi unsur *keilmuan*, masyarakat yang berilmu adalah teras kepada kejayaan sebuah bangsa. Keilmuan juga adalah sesuatu yang dituntut oleh agama kerana ilmu adalah jaminan kepada keselamatan dan kejayaan hidup di dunia dan akhirat. *Kepatuhan* adalah bertujuan mewujudkan masyarakat yang patuh dan berdisiplin bersesuaian dengan tuntutan agama. Ini membolehkan masyarakat melalui perjalanan kehidupan yang teratur dan mengelak daripada melanggar ajaran Islam. Masyarakat *berkebajikan* perlu dibentuk untuk memastikan segala kemudahan dan keselesaan hidup dapat dirasai oleh semua anggota. Sifat ini membolehkan pemupukan semangat kerjasama dan toleransi sesama ahli masyarakat sehingga dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni. *Kebersihan* penting untuk memastikan persekitaran berada dalam keadaan terpelihara. Konsep ini bertujuan mewujudkan tabiat yang baik di kalangan individu serta mendorong usaha mengawal pembuangan sampah, pembuangan pepejal dan kumbahan serta membina persekitaran yang baik dan selamat daripada ancaman penyakit. Elemen terakhir ialah *kesejahteraan* hidup iaitu sebuah kehidupan dalam persekitaran yang bebas daripada ancaman fizikal, sosial dan mental. Keadaan ini dapat dicapai dengan adanya usaha perancangan yang menitikberatkan hubungan sesama

insan bagi memupuk semangat persaudaraan dan kejiranian agar dapat membentuk satu masyarakat yang harmoni.

Dalam usaha mencapai matlamat pembangunan 5K tersebut, sebanyak tujuh garis panduan dasar dijadikan pegangan utama MPKB-BRI iaitu:

- Menegakkan syari'at Islam dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran.
- Mengenepikan sikap kebendaan dan kepentingan diri.
- Mengamalkan pendekatan syari'at dalam pentadbiran dan pengurusan.
- Mengamalkan etika kerja Islam.
- Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat kepada seluruh kakitangan.
- Mengenengahkan kakitangan yang berdedikasi.
- Mengutamakan keadilan dalam setiap urusan.

Semua panduan dasar ini adalah untuk menjadikan Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam yang berdikari dengan mengamalkan syari'at Islam dalam perancangan pembangunan dan pengurusannya. Bagi tujuan melaksanakan agenda pembangunan berteraskan nilai-nilai Islam, Pelan Induk Kota Bharu Bandaraya Islam dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama melibatkan jangka masa 2006 – 2010 dan fasa kedua 2011 – 2015. Fasa awal bertujuan memberikan penekanan terhadap usaha menerapkan konsep 5K kepada masyarakat Kota Bharu. Usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah terutama penerimaannya di kalangan masyarakat bukan Islam di Kota Bharu. Peringkat awal tumpuan diberikan terhadap usaha memberi kesedaran tentang kepentingan keilmuan dan kebersihan dalam kehidupan warga kota termasuklah pihak pengurusan. Fasa kedua adalah usaha pembangunan fizikal termasuklah lalulintas, kemudahan pelancongan, infrastruktur dan utiliti, kemudahan awam dan masyarakat, pengindahan kawasan dan perumahan. Pembangunan bandar Islam boleh dianggap sebagai pembangunan manusia kerana pendekatannya bertujuan bagi memenuhi kehendak manusia dan dilakukan pada tahap yang bersesuaian dengan sifat-sifat manusia. Untuk mencapai tujuan tersebut MPKB-BRI telah mengemukakan empat aspek pembangunan iaitu:

1. Pembangunan pengurusan, iaitu penghayatan iman dan taqwa dalam pengurusan dan pentadbiran Majlis.

Falsafah 5K	Program	Lokasi
Keilmuan	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan infrastruktur dan kemudahan untuk memudahkan kakitangan menambahkan ilmu• Mengadakan program yang meliputi kesedaran dan meningkatkan kemahiran• Mengenengahkan pegawai dan kakitangan dan meningkatkan pengetahuan melalui program peningkatan ilmu seperti pembacaan dan ulasan• Memperbanyakkan peruntukan program keilmuan	
Kepatuhan	<ul style="list-style-type: none">• Program pematuhan kepada syariah Islam• Program pematuhan undang-undang pekeliling kakitangan awam	
Kebajikan	<ul style="list-style-type: none">• Program keprihatinan kakitangan meliputi kemudahan, tabung kebajikan kakitangan, perlindungan takaful kakitangan	Seluruh kakitangan MPKB-BRI
Kebersihan	<ul style="list-style-type: none">• Program pembudayaan kebersihan kepada kakitangan	
Kesejahteraan	<ul style="list-style-type: none">• Memperbanyakkan program bersama di kalangan kakitangan MPKB-BRI seperti hari keluarga	

Perbangunan pengurusan menjadi aspek utama kerana MPKB-BRI bertanggungjawab melaksanakan sistem pentadbiran bandar yang bercirikan Islam. Pembangunan rohani kakitangan adalah satu keutamaan sebelum aspek ini diaplikasikan kepada warga kota dalam pentadbiran MPKB-BRI. Oleh itu, sesi tazkirah sentiasa diadakan bagi mengisi keperluan tersebut dan memastikan para pegawai MPKB-BRI sentiasa patuh dan memahami apa yang menjadi teras falsafah pentadbiran mereka. Aspek kedua lebih kepada keperluan pembangunan masyarakat terutama aspek modal insan.

2. Pembangunan insan, iaitu penghayatan iman dan taqwa dalam semua struktur kehidupan masyarakat termasuk kepercayaan, pemikiran dan tingkah laku atau amalan mereka.

Falsafah 5K	Program	Lokasi
Keilmuan	<ul style="list-style-type: none">Mengadakan program keilmuan dan kesedaran secara teratur untuk setiap daerah sekurang-kurangnya sekali sebulan mengikut kumpulan umur warga kota.Mengadakan program penghayatan nilai kepada warga kota yang bukan beragama Islam	
Kepatuhan	<ul style="list-style-type: none">Program kesedaran kepada warga kota agar mereka patuh kepada syariah Islam	Seluruh 10 daerah pentadbiran MPKB-BRI dan dijalankan dipusat pembangunan insan yang ditetapkan
Kebajikan	<ul style="list-style-type: none">Mengenalpasti warga kota yang daif mengikut daerah dan memberikan bantuan beserta dengan kaunseling pembangunan masyarakat	
Kebersihan	<ul style="list-style-type: none">Melaksanakan program pembudayaan kebersihan untuk warga kota sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk setiap daerah	
Kesejahteraan	<ul style="list-style-type: none">Melaksanakan program bersama warga kota untuk memupuk semangat persaudaraan dan kejirananPelbagai kemudahan perlu disediakan	Untuk pembangunan warga kota yang bukan beragama Islam, program dijalankan di MPKB-BRI dan pusat yang dirasakan sesuai

Dalam program pembangunan insan warga kota, MPKB-BRI berkerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK) dan semua imam di setiap masjid. Antara aktiviti yang diaturkan adalah seperti;

- a. kuliah subuh setiap hari selepas solat subuh;
- b. hari Jumaat sebagai hari ilmu di mana kuliah agama diadakan di waktu yang khusus; dan
- c. kuliah malam setiap hari selepas solat Maghrib.

Selain itu, antara program lain yang diaturkan ialah kem kecermelangan solat warga kota, kem kecermelangan solat dan bengkel etika niaga kepada para peniaga, program pembangunan keluarga, program pembangunan remaja dan program pembangunan masyarakat.



Foto 1. Program Ihya Ramadhan

MPKB-BRI merancang program keilmuan di setiap daerah sekurang-kurangnya sebulan sekali meliputi 10 daerah di bawah pentadbirannya. Antaranya:

Daerah	Masjid
Badang	Masjid An-Nur
Banggu	Masjid Banggu
Kemumin	Masjid Kemumin
Kota	Masjid Kota
Limbat	Masjid Limbat
Panji	Masjid Pengkalan Chepa
Pendek	Masjid Pendek
Sering	Masjid Sering
Lundang	Masjid Muttaqin
Kota Bharu	Masjid Telipot Masjid Kampung Sireh Masjid Muhammadi Masjid Langgar Masjid Baraah

Institusi pondok yang menawarkan bentuk pengajian agama tidak formal telah lama wujud di Kalantan. Pembangunan semula institusi pondok dengan fungsi yang lebih besar dapat menyumbang kepada pembangunan insan (keilmuan). Antara institusi pondok yang dikenalpasti ialah Pondok Terusan, Pasir Tumboh (Akan dijadikan pondok model bagi negeri Kelantan), Pondok Tok Kenali, Lundang, Pondok Tok Ayah, Kemumin, Pondok Bunut Payong, Kota. Sehingga kini antara program yang telah dan sedang dijalankan ialah:

- Program Pembangunan Insan
 - Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran majlis.
 - Mempertingkat Program Ihya Ramadhan.
 - Meningkatkan program siaran ‘Suara MPKB’ termasuk menyiaran kuliah-kuliah agama oleh Tuan Guru Dato’ Menteri Besar Kelantan di Medan Ilmu
 - Menganjurkan kursus-kursus penghayatan Bandar Raya Islam kepada kakitangan majlis
 - Menganjurkan forum Bandar Raya Islam kepada warga kota
 - Menyebarluaskan maklumat tentang bandar raya kepada warga kota
 - Mengadakan pertandingan mencipta logo MPKB sempena pelancaran Bandar Raya Islam

- Menganjurkan program kefahaman tentang Bandar Raya Islam kepada kakitangan majlis dan warga kota
- Mengadakan sudut pidato di Taman Hijau bagi golongan remaja
- Mengaktifkan kutipan dan aktiviti Tabung kebajikan warga kota
- Mempertingkat aktiviti tarbiyah di Masjid Bara'ah
- Mengadakan kaunter penerangan Bandar Raya Islam di dataran MPKB
- Menguatkusakan penggunaan tulisan jawi pada papan-papan iklan di premis-premis perniagaan.

Pembangunan modal insan ini adalah satu usaha yang berterusan dan merupakan aspek paling penting untuk membangunkan masyarakat terutama program-program yang dapat membina sahsiah masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam. Selain itu, pembangunan ekonomi juga menjadi ciri penting dalam sebuah perbandaran Islam. Aspek ini juga turut ditekankan dalam pembangunan Bandaraya Islam di Kota Bharu.

3. Pembangunan ekonomi, iaitu penghayatan iman dan taqwa dalam membangunkan ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Falsafah 5K	Program	Lokasi
Keilmuan	<ul style="list-style-type: none">• Mewajibkan setiap peniaga memiliki sijil kursus pengurusan perniagaan mengikut perspektif Islam	Hotel-hotel Dewan Besar MPKB-BRI
Kepatuhan	<ul style="list-style-type: none">• Mensyaratkan kelulusan lesen dan kebenaran beberapa syarat yang dituntut oleh Islam seperti syarat bertudung bagi peniaga wanita, pengasingan kolam mandi wanita di bilik tertutup dan sebagainya.	
Kebajikan	<ul style="list-style-type: none">• Mensyaratkan pembayaran zakat oleh peniaga atau pemaju diberikan kepada masyarakat setempat.• Mensyaratkan peniaga membayar zakat.	
Kebersihan	<ul style="list-style-type: none">• Menganjurkan kempen-kempen kepentingan kebersihan di kalangan masyarakat.• Menjadikan pusat-pusat perniagaan sebagai tempat promosi kempen kebersihan.	Keseluruhan kawasan di bawah pentadbiran MPKB-BRI
Kesejahteraan	<ul style="list-style-type: none">• Menganjurkan bengkel-bengkel keusahawanan tanpa mengira bangsa dan agama.• Bantuan kewangan kepada peniaga kecil yang berminat untuk mengembangkan perniagaan.	Hotel-hotel Dewan Besar MPKB-BRI

Dalam konteks pembangunan ekonomi, aktiviti perniagaan dan perdagangan adalah berteraskan falsafah 5K. Antaranya hendaklah menjalankan jenis perniagaan di dalam premis sebagaimana yang dinyatakan di dalam lesen.

Aktiviti perniagaan dan perdagangan yang telah dirancang sehingga kini ialah pembangunan pelancongan dan warisan budaya yang meliputi pembangunan zon pelancongan pantai seperti Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Mek Mas. Selain itu ialah, zon makanan laut Sabak yang boleh membantu masyarakat meningkatkan tahap pembangunan ekonomi mereka dan juga pelancongan

pesisiran Sungai Kelantan. Pusat pelancongan pesisiran sungai Pengkalan Datu juga akan dibangunkan dan aktiviti yang akan diperkenalkan bercorak kebudayaan bagi mencerminkan keistimewaan budaya negeri Kelantan. Kelantan juga banyak mempunyai industri kraf yang berpotensi untuk dijadikan daya tarikan pelancongan. Batik, songket dan barang perak adalah komoditi kraf yang boleh mendatangkan pulangan yang tinggi. Dalam pembangunan ekonomi juga, aktiviti membeli belah merupakan aktiviti utama yang menarik pelancong ke negeri ini. Bagi meningkatkan lagi aktiviti ini, pelan induk Kota Bharu juga telah mencadangkan sebuah pasar terbuka di Wakaf Che Yeh dan *souq* di Lembah Sireh.

Dalam aspek pembangunan perindustrian pula, kawasan industri Padang Tembak, Pengkalan Chepa untuk industri bertaraf kecil dan sederhana manakala kawasan industri Banggu untuk industri berasaskan makanan halal. Selain itu, beberapa pusat pertumbuhan baru yang dikenalpasti ialah,

- Kubang Kerian yang akan dibangun bertemakan pendidikan
- Tunjong akan dibangunkan bertemakan warisan Islam. Kawasan ini akan menjadi bandar contoh bagi pembangunan yang terancang berdasarkan garis panduan pembangunan bandaraya Islam yang ditetapkan.
- Kuala Besar akan dibangunkan bertemakan pelancongan. Kawasan ini terletak di zon pelancongan yang akan menjadi pusat pemasaran industri kraftangan.
- Pengkalan Chepa akan dibangunkan kerana terdapat Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang boleh menjadi pemangkin kepada industri pelancongan di Kelantan.

4. Pembangunan fizikal, iaitu penghayatan iman dan taqwa dalam membangunkan persekitaran bandar Kota Bharu sehingga menjadi persekitaran yang menjamin kesejahteraan.

Bagi pembangunan fizikal, antara tumpuan yang diberikan ialah aspek lalu lintas, infrastruktur dan utiliti, kemudahan awam dan khidmat masyarakat, pengindahan kawasan, persekitaran perumahan dan kejiranan serta pelancongan dan warisan budaya (lihat lampiran 1 serta foto 1 hingga 6).




Foto 2. Kota Bharu trade centre



Foto 3. *Islamic Bazar*



Foto 4. *Gerbang ke Kota Bharu*



Foto 5. *Papan tanda tulisan jawi*



Foto 6. Bangunan moden yang turut memperlihatkan unsur-unsur senibina Islam

MPKB-BRI telah berusaha sebaik mungkin bagi memastikan perancangan bandar Kota Bharu menepati konsep perbandaran Islam dan berjaya dalam misi mereka menjadikan Kota Bharu sebuah Bandaraya Islam. Berdasarkan keempat-empat program pembangunan yang diatur itu ternyata MPKB-BRI berusaha sebaik mungkin bagi mengisi setiap program yang telah dirancang. Namun demikian, satu aspek yang penting dalam sebuah perbandaran Islam seperti pertahanan merupakan satu keterbatasan dan di luar bidang kuasa mereka. Sehingga kini peranan yang dinyatakan itu sudah cukup jelas dan atas ciri-ciri perbandaran Islam

Perancangan Bandaraya Islam dalam konteks masyarakat yang pelbagai budaya

Cabarannya paling besar dalam melaksanakan Bandaraya Islam di Kota Bharu ialah menjaga sensitiviti masyarakat kerana perlaksanaanya juga menyentuh aspek-aspek berkaitan keagamaan. Namun begitu, pihak MPKB-BRI sendiri menyedari hal ini dan usaha dilakukan untuk menyampaikannya kepada masyarakat. Masyarakat pelbagai kaum yang mendiami kota Bharu tidak akan terjejas aktiviti dan kehidupan harian mereka. Oleh sebab itu, program pembangunan modal insan bagi kota baru dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama (2006-2010) hanya bertujuan member kesedaran kepada masyarakat.

Program kesedaran ini meliputi usaha menyedarkan warga kota berdasarkan kumpulan umur tentang perihal pentingnya pandangan hidup yang jelas tentang Islam, kesedaran kendiri, tugas sebagai seorang Islam, pematuhan kepada perintah Allah bagi tujuan menjamin kesenangan di dunia dan akhirat.

Bagi warga kota bukan Islam, usaha yang dijalankan ialah memberikan penerangan mengenai pendekatan yang dijalankan oleh MPKB-BRI mengenai Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam yang mementingkan falsafah iman dan takwa melalui pendekatan 5K demi menjaga keharmonian masyarakat dan saling menghormati di kalangan masyarakat yang pelbagai agama. Setiap program yang dicadangkan ialah sekali sebulan untuk etnik Cina dan bukan warganegara. Manakala program untuk kumpulan bumiputera lain dicadangkan dua bulan sekali. Program pembangunan insan untuk warga kota bukan Islam ditumpukan di Pusat Pembangunan Belia kampung Tikat dan bagi tempat-tempat lain bergantung kepada kesesuaian.

Berdasarkan temubual pengkaji dengan Bahagian Sekretariat Islam dan Jabatan Pembangunan Islam, sehingga kini mereka tidak menghadapi masalah berkaitan dengan peraturan yang ditetapkan. Apa yang penting ialah menggalakkan ramai masyarakat Islam dan bukan Islam menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MPKB-BRI. Usaha dipergiatkan untuk menarik etnik

bukan Melayu menyertai aktiviti yang dianjurkan. Keperluan utama ialah menyedarkan masyarakat tentang konsep pembangunan yang diinginkan bagi Kota Bharu. Sehingga kini didapati beberapa peraturan yang disyaratkan diikuti orang Melayu dan bukan Melayu misalnya waktu perniagaan pasar malam terutama waktu Maghrib hendaklah dihentikan operasinya sebentar sebagai menghormati waktu sembahyang Maghrib. Berdasarkan pemerhatian pengkaji juga, para peniaga dan pekerja mereka memang mematuhi arahan supaya menutup aurat sebagai syarat pemberian lesen perniagaan. Syarat lain seperti peraturan penggunaan tulisan jawi turut dipatuhi oleh peniaga sama ada Melayu dan bukan Melayu. Di sekitar Kota Bharu sama ada nama jalan atau nama kompleks perniagaan memang menggunakan tulisan jawi di samping tulisan rumi dan senibina bangunan turut memaparkan bentuk-bentuk ukiran dan senibina yang bercirikan Islam seperti lambang kubah pada bangunan sama ada premis perniagaan tersebut dimiliki oleh orang Islam atau bukan Islam.

Sebagai usaha mengukuhkan lagi pemahaman warga kota Islam dan bukan Islam, MPKB-BRI telah mengaturkan beberapa program yang antaranya ialah:

Program kesedaran untuk orang Islam:

- Pandangan hidup Islam melalui pendekatan misi dan visi hidup
- Prinsip-prinsip asas ajaran Islam: fardu ain dan kifayah
- Sumber-sumber hukum seperti Al-Quran, hadis, ijma' dan qias
- Tugas-tugas individu dalam pembangunan masyarakat, negara dan kesyuminulan Islam
- Nilai-nilai terpuji dalam Islam
- Asas rukun Islam dan rukun iman ke arah pembentukan individu bagi pembangunan masyarakat dan negara
- Kesedaran sejarah keagungan Islam

Program kesedaran untuk orang bukan Islam:

- Islam agama keamanan
- Islam menjaga kepentingan seluruh masyarakat
- Pendekatan Islam terhadap penganut agama lain
- Pandangan salah terhadap Islam
- Asas-asas ajaran Islam untuk masyarakat
- Kebebasan beragama dalam pentadbiran Islam
- Sumbangan penganut agama lain dalam pembangunan

Fasa kedua perlaksanaan Bandaraya Islam (2011-2015) menekankan kepada penghayatan nilai yang menjadi teras dalam falsafah keimanan dan ketakwaan. Keutamaan diberikan kepada penghayatan 5K. Di peringkat ini program kesedaran yang telah dijalankan untuk fasa pertama akan tetap diteruskan.

Program penghayatan nilai untuk orang Islam:

- Sistem nilai yang diasaskan kepada tauhid
- Penghayatan rukun Islam dan rukun iman sebagai asas penghayatan nilai
- Penghayatan nilai-nilai terpuji dalam peribadi
- Perlaksanaan nilai-nilai yang sebenar dalam Islam
- Penghayatan nilai kea rah kecermelangan individu dan masyarakat
- Nilai-nilai terpuji yang patut dihayati
- Rasulullah sebagai model kecermelangan.

Program penghayatan nilai untuk orang bukan Islam:

- Sistem nilai yang diasaskan kepada kepercayaan beragama
- Sistem nilai yang boleh diterima oleh semua penganut
- Nilai-nilai sejagat
- Penghayatan nilai-nilai sejagat

- Manfaat penghayatan nilai
- Penghayatan nilai untuk kesejahteraan bersama dalam masyarakat
- Nilai-nilai bersama

MPKB bertanggungjawab secara langsung melaksanakan perancangan Bandaraya Islam, namun demikian bidang kuasanya hanyalah menyedia, menjaga dan menyelenggara jalan-jalan, taman, perlesenan dan pengawalan premis-premis perniagaan. MPKB-BRI tidak mempunyai kuasa secara langsung untuk mengawal tatakelakuan/moral masyarakat sebagaimana polis dan JAHEIK. Bidang kuasa MPKB-BRI dalam mengawal tatakelakuan masyarakat ialah Undang-undang kecil (UUK) Taman MPKB 1980.

1. UUK 3(u) Menggunakan bahasa lucu/sumbang atau berkelakuan tidak senonoh/sumbang.
2. UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPKB)(Pindaan)2002.
3. UUK Kedai Gunting Rambut & Pendandan Rambut (MPKB)(Pindaan)2003.
4. UUK Penjaja(MPKB)(Pindaan)2003.
5. UUK Pengawalan & Penyeliaan Establisymen Makanan (MPKB)(Pindaan)2003.
6. UUK Rumah-Rumah Tumpangan (MPKB)(Pindaan)2003
7. UUK Kedai Dobi(MPKB)(Pindaan)2004
8. UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian MPKB(Pindaan)2004
9. UUK Pasar MPKB (Pindaan)2004

Pindaan UUK 2 – 9 melibatkan:

- Tafsiran “aurat”
 - ertiinya seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tangan
- Tafsiran “pakaian menutup aurat”
 - pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian tersebut tidak ketat/sempit/sendat/nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan. UUK 27A – Pemegang lesen hendaklah memastikan dirinya dan pekerja wanita Islam berpakaian menutup aurat semasa menjalankan tred dan jika bukan beragama Islam hendaklah berpakaian sopan.
- Syarat Lesen Premis Perniagaan
 - mengadakan kaunter berasingan bagi lelaki dan perempuan untuk pasaraya.
 - memberhentikan perniagaan/jual beli sewaktu solat jumaat
- Syarat Lesen Penjaja
 - memberhentikan perniagaan sewaktu azan maghrib
- Syarat Lesen Kedai Gunting Rambut
 - kedai gunting rambut berasingan bagi lelaki & wanita

Apa yang dapat ditafsirkan ialah MPKB-BRI tidak mempunyai bidangkuasa secara langsung untuk mengawal tatakelakuan masyarakat. Mereka hanya mempunyai bidangkuasa secara tidak langsung untuk mengawal moral masyarakat seperti mengenakan syarat-syarat lesen dan menggubal UUK berkaitan pelesenan perniagaan dan kawalan tempat-tempat awam seperti taman-taman.


Aplikasi konsep

Seperti yang dibincangkan peringkat awal, penekanan utama bagi sebuah perbandaran Islam ialah pembangunan institusi masjid, pembangunan institusi ekonomi, pembangunan institusi pendidikan pengezonan kawasan-kawasan dan akhir sekali sistem pertahanan. Berdasarkan dapatan kajian mendapati, dalam falsafah 5K, memang terdapat penekanan kepada aspek ini. Keempat-empat aspek pembangunan seperti pengurusan, pembangunan insan, pembangunan ekonomi dan pembangunan fizikal memang mementingkan aspek keilmuan dan aspek ini adalah terpenting diikuti oleh kepatuhan, kebijakan, kebersihan dan kesejahteraan. Dalam erti kata lain

pembangunan institusi masjid terkandung dalam aspek keilmuan yang diterapkan dalam falsafah 5K. Oleh itu, dalam pembangunan modal insan, aktiviti yang dianjurkan dilakukan di masjid yang terdapat di serata jajahan atau daerah di Kelantan. Pembangunan institusi masjid akan terus subur dengan adanya pengisian ilmu yang dianjurkan di samping pembangunan institusi pondok.

Ciri kedua perbandaran Islam ialah pembangunan institusi ekonomi. Peranan MPKB-BRI adalah memastikan pembangunan ekonomi berdasarkan penghayatan iman dan taqwa dalam membangunkan ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pembangunan ekonomi juga berlandaskan ciri-ciri yang dituntut dalam Islam terutama dalam syarat pemberian lesen perniagaan. Selain itu, bagi memastikan keadilan ekonomi yang saksama di kalangan masyarakat, peniaga atau pemaju diwajibkan membayar zakat dan diberikan kepada masyarakat setempat. Dalam kegiatan ekonomi, aspek kesejahteraan umat ditekankan dengan menganjurkan program-program modal insan untuk membolehkan warga kota di sini membina kemahiran keusahawanan yang sangat-sangat digalakkan di dalam Islam. Di samping itu, bantuan kewangan kepada peniaga kecil juga turut diberikan bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan menceburkan diri dalam bidang perniagaan.


Perbandaran Islam juga menitikberatkan aspek pembangunan institusi pendidikan. Namun seperti yang dinyatakan tadi pendidikan adalah salah satu aspek dalam pembangunan modal insan. Aspek pendidikan kepada warga kota terkandung dalam program kesedaran yang menitikberatkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis, nilai-nilai terpuji



Rajah 1. Kawasan pembangunan Kota Bharu mengikut zon

dalam Islam, keagungan sejarah Islam serta tugas dan tanggungjawab individu dalam masyarakat. Aspek Pendidikan seterusnya yang dirancang kepada warga kota di sini ialah program penghayatan nilai iaitu nilai-nilai yang harus diikuti oleh setiap muslim dan juga nilai-nilai baik dalam Islam yang patut dicontohi oleh bukan Islam. Oleh itu, program-program ceramah, Ihya Ramadhan semuanya bertujuan mendidik masyarakat supaya mendapat kesenangan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Perbandaran Islam pada zaman dahulu juga menitikberatkan aspek pembangunan mengikut zon. Tujuannya antara lain memudahkan urusan pentadbiran. Di Kota Bharu pembangunan mengikut zon juga diutamakan dengan mengekalkan keistimewaan yang telah sedia ada di sesebuah kawasan. Peta di sebelah menggambarkan tentang zon-zon kawasan yang diwujudkan dengan setiap zon mewakili keistimewaan yang tersendiri.



Rajah 2. Zon tema pembangunan yang dirancang mengikut zon

Kesimpulan

Kota Bharu akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang akan memberikan kesan sebaran kepada kawasan sekitarnya. Rajah 1 dan Rajah 2 lebih jelas lagi menggambarkan tentang jenis pembangunan berdasarkan tema dan bandar-bandar satelit yang wujud kesan daripada pertumbuhan yang dinikmati oleh Kota Bharu.

Kubang Kerian dan Bandar Tunjong merupakan pusat pertumbuhan sedia ada manakala pusat pertumbuhan baru yang ingin diwujudkan ialah Kuala Besar dan Pengkalan Chepa. Berdasarkan pelan pembangunan yang dirancang ini ternyata ianya memenuhi konsep perbandaran Islam seperti yang diamalkan di beberapa buah kota di Timur Tengah.

Aspek terakhir ciri-ciri perbandaran Islam ialah pertahanan. Namun demikian pihak berkuasa tempatan di Malaysia tidak mempunyai autoriti di bidang pertahanan. Kuasa yang ada adalah

berdasarkan kepada undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan dan tertakluk juga dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Rujukan

- Ahmad Zaki Abdul Latiff (1997) *Perbandaran di Timur Tengah: kesannya terhadap masyarakat Islam abad I-III Hijrah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohamad Tajuddin Mohd Rasdi, Roslan Abdul Manan (2001) *Konsep perbandaran Islam: suatu gagasan alternatif*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Muhammad Na'im Daud (2002) Pentadbiran agama Islam di Kelantan: Kajian di akhir abad ke-19 sehingga awal abad ke-20 Masehi (PhD dissertation) Jabatan Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985) *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
- Ong Ka Ting (2002) Kerajaan tempatan di Malaysia. Available from:
<http://unescap.org/huset/gstudy/country/malaysia/malaysia.html>.
- Pelan Induk Kota Bharu Bandaraya Islam 2006-2015. Majlis Perbandaran Kota Bharu.
- Ting Chew Peh (1993) *Konsep asas sosiologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.